

17 MAY 1996

SYARIKAT MALAYSIA BELI KEPENTINGAN DLM FIRMA PERACUAN PLASTIK JEPUN

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 17 Mei (Bernama) -- Premier Choice Sdn Bhd hari ini menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Nichiei Seki Co Ltd, dan pemilik utamanya Nifco Inc di sini.

Ini merupakan penyertaan besar pertama bagi syarikat Malaysia dalam badan korporat Jepun.

Premier Choice, sebuah konsortium yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Yahaya Ahmad, akan memiliki 30 peratus kepentingan dalam Nichiei Seki.

Nichiei Seki yang membuat peralatan dan peracuan bagi industri-industri termasuk sektor automotif, kemudian nanti akan melabur di Malaysia, kata Yahaya.

Katanya, Malaysia akan dapat menghantar jurutera-jurutera untuk mempelajari teknologi tinggi pembuatan dan juga membawa pulang budaya kerja orang Jepun.

Pada upacara menandatangani MoU yang disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, Yahya mewakili Premier Choice, Nichiei Seki diwakili oleh presidennya Minoru Yamai manakala Nifco yang memiliki 40 peratus kepentingan Nichiei Seki telah diwakili oleh pengarah urusan kanannya Shigeji Yamada.

Menurut Yamada Nifco telahpun menubuhkan usaha sama di Malaysia pada tahun 1991.

Dr Mahathir berkata langkah sedemikian membolehkan syarikat Malaysia mempelajari cara menggunakan teknologi tinggi bagi alat ganti asas kereta dan industri-industri lain.

Ini merupakan MoU yang kedua ditandatangani oleh Premier Choice dalam lawatan kerja Perdana Menteri ke Tokyo yang berakhir esok.

Selasa lalu, konsortium tersebut menandatangani MoU dengan Daiki Die and Mould Machinery Company Ltd (DKK), untuk merintis jalan bagi penubuhan usaha sama yang mengeluarkan peracuan bagi alat-alat ganti kereta.

Premier Choice, yang ditubuhkan Jun lalu atas saranan Dr Mahathir, mempunyai 12 pemegang saham terdiri daripada Diversified Resources Bhd, Perusahaan Otomobil Nasional Bhd, Berjaya Group Bhd, Malaysian Helicopter Services Bhd, Renong Overseas Corporation Bhd, Permata Peremba Sdn Bhd, PKENJ Ventures Sdn Bhd, USRA Sdn Bhd, Permodalan Terengganu Bhd, SD Holdings Bhd, YTL Corporation Bhd dan FACB Berhad. -- BERNAMA

TCL KY SIA